

10 OCT 2003

Abdullah-Pakar/I

PASUKAN PAKAR BEBAS DIBENTUK SELEPAS SIDANG OIC, KATA ABDULLAH

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Malaysia akan menubuhkan pasukan pakar bebas bersama Singapura untuk memantau aktiviti penambakan tanah di Selat Johor selepas sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC), kata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Beliau berkata, perkara itu adalah tanggungjawab penuh Wisma Putra.

"Sekarang ini Wisma Putra sibuk dengan Sidang Kemuncak OIC...kemudian selepas sidang kemuncak itu, kita akan putuskan siapa yang akan berada dalam pasukan itu," kata beliau kepada pemberita selepas melancarkan sebuah buku mengenai Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang bertajuk "Mahathir: Twenty Two Years, Twenty Two Voices" di sini, hari ini.

Ditanya lagi bila sebenarnya pasukan itu akan dibentuk, Abdullah berkata beliau tidak mahu meramalkan tarikh sebenar kecuali ia tidak akan mengambil masa yang lama untuk dibentuk.

Sidang Kemuncak ke 10 OIC, satu perhimpunan 57 negara Islam bermula esok dan akan berakhir pada 18 Okt.

Penubuhan pasukan pakar bebas itu merupakan antara syor yang dibuat oleh Tribunal Antarabangsa Bagi Undang-undang Laut (ITLOS) pada Rabu (8 Okt) untuk mengkaji dan memantau impak daripada kerja-kerja penambakan oleh republik itu khususnya di perairan Pulau Tekong dan Tuas di Selat Johor.

Malaysia telah meminta mahkamah itu mengeluarkan langkah sementara, termasuk menggantung segera aktiviti penambakan tanah oleh Singapura antara lain kerana aktiviti itu menyebabkan kemusnahan kehidupan marin di Selat Johor, satu hujah yang dibalas oleh Singapura dengan mempersoalkan bidang kuasa Malaysia di kawasan itu.

Sebelum itu Abdullah melancarkan buku bergambar itu yang menampilkan usaha gigih Dr Mahathir selama lebih dua dekad untuk Malaysia.

Diterbitkan oleh dua firma, Melewar Apex dan JF Publishing, buku itu akan berada dalam pasaran sehari sebelum Dr Mahathir bersara pada 31 Okt ini.

Satu aspek khas buku itu ialah ia menampilkan kenangan dan penghargaan daripada 22 pemimpin politik terkemuka, ahli perniagaan dan akademik, termasuk Presiden Perancis Jacques Chirac, Canselor Jerman Gerhard Schroeder dan isteri Dr Mahathir Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Buku dengan 188 muka surat itu akan dijual pada harga RM188 dan boleh ditempah terus daripada penerbit mulai hari ini.

-- BERNAMA

NN AHH PR